



## NOTIS MAKLUMAN

### **TUNTUTAN LEBIHAN BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PERUMAHAN LPPSA SEBELUM SERAHAN KEPADA PEJABAT PENDAFTAR WANG TAK DITUNTUT**

Dimaklumkan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) akan menyerahkan lebihan bayaran balik selepas penyelesaian pembiayaan perumahan yang tidak dituntut kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, seperti peruntukan undang-undang di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965.

Sehubungan itu, satu **Notis Makluman Lebihan Baki Pinjaman/ Pembiayaan bertarikh 1 Januari 2025** telah dikeluarkan kepada pelanggan atau waris supaya mengemukakan borang permohonan tuntutan lebihan bayaran dan pemulangan dokumen hakmilik yang dilampirkan beserta dokumen sokongan pada atau sebelum **22 Februari 2025**. Selepas tarikh tersebut, pelanggan perlu membuat tuntutan lebihan bayaran balik terus kepada Pejabat Pendaftar Wang Tak Dituntut.

Borang permohonan tuntutan lebihan bayaran dan pemulangan dokumen hakmilik juga boleh dimuat turun [di sini](#) dan boleh dikemukakan beserta dengan lampiran dokumen sokongan yang lengkap melalui [Portal eTiket](#).

Sebarang pertanyaan lanjut, pelanggan boleh menggunakan e-Kaunter, Live Chat melalui aplikasi LiA Chatbot di laman sesawang LPPSA, Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/> atau menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03- 88801600.

**17 JANUARI 2025**